

BAHAGIAN A Soalan Objektif

Jawab semua soalan.

7.1 Tamadun India

- 1 Apakah kerajaan yang terawal sekali wujud dalam Tamadun India? (BUKU TEKS m.s. 140)
- A Kerajaan Gupta
B Kerajaan Nanda
C Kerajaan Maurya
D Kerajaan Magadha

- 2 Istilah berikut mempunyai kaitan dengan pembentukan Tamadun India.

Janapada

Istilah tersebut membawa maksud (BUKU TEKS m.s. 140)

- A Kerajaan kecil
B Kerajaan besar
C Kerajaan utama
D Kerajaan penting
- 3 Antara berikut, yang manakah berperanan sebagai sumber kerajaan untuk membiayai peperangan? (BUKU TEKS m.s. 141)
- A Perbendaharaan
B Jabatan tentera
C Bangsawan
D Istana
- 4 Kewujudan tentera kavalri berjaya membawa kegemilangan Tamadun India. Apakah maksud tentera kavalri? (BUKU TEKS m.s. 142)
- A Tentera berjalan kaki
B Tentera berkuda
C Tentera bergajah
D Tentera laut

- 5 Antara berikut, yang manakah ibu kota Dinasti Nanda? (BUKU TEKS m.s. 142)

A Anga C Mathura
B Kalinga D Pataliputra

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di India. (BUKU TEKS m.s. 143)

Tahun	Peristiwa
261 SM	Berlaku Perang Kalinga.

Peperangan tersebut berlaku semasa pentadbiran _____.

- A Dinasti Nanda
B Dinasti Gupta
C Dinasti Maurya
D Dinasti Mathura
- 7 Apakah kesan terhadap peristiwa peperangan tersebut? (BUKU TEKS m.s. 143)
- A Pentadbiran secara toleran
B Pengukuhan pasukan tentera
C Perluasan penyebaran agama Hindu
D Penamatan sistem pentadbiran beraja

- 8 Pernyataan berikut berkaitan dengan tindakan awal yang dilakukan oleh Asoka. (BUKU TEKS m.s. 143)

Berusaha menguasai wilayah yang masih belum dikuasai oleh Dinasti Maurya.

Apakah wilayah tersebut?

A Mohenjo Daro
B Patliputra
C Champa
D Kalinga

- 9 Bagaimanakah langkah yang telah dilakukan oleh tokoh berikut untuk mengukuhkan pembinaan negara Tamadun India? (BUKU TEKS m.s. 144)



Asoka

- A Mengukir Tiang Asoka
B Mengukuhkan sistem ke-tenteraan
C Meluaskan kawasan pengaruh
D Menamatkan peperangan
- 10 Antara berikut, apakah negara yang terlibat dengan misi keagamaan yang telah dihantar oleh Asoka? (BUKU TEKS m.s. 144)
- I Korea
II China
III Nepal
IV Tibet
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 11 Apakah gelaran yang diberikan kepada tokoh berikut?

(BUKU TEKS ms. 143)

Raja Samudragupta

- A Devaraja
- B Kaviraja
- C Janapada
- D Mahajanapada

- 12 Buku berikut telah dikarang oleh Kautilya.

(BUKU TEKS ms. 145)

Arthasastra

Kandungannya adalah berkisar tentang _____.

- A Ketenteraan
- B Perniagaan
- C Ketuhanan
- D Perkahwinan

- 13 Anda telah mengadakan lawatan ke lokasi berikut.

(BUKU TEKS ms. 143)

- Gua di Ajanta
- Gua di Ellora


Apakah persamaan peninggalan zaman prasejarah yang boleh anda temui di dalam gua tersebut?

- A Manik C Pinggan
- B Lukisan D Tembikar

72 Tamadun China

- 14 Rajah berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan Tamadun China.

(BUKU TEKS ms. 144)



X adalah _____.

- A Dinasti Qin
- B Dinasti Han
- C Dinasti Zhou
- D Dinasti Shang

- 15 Antara berikut, yang manakah tokoh terawal berjaya menyatukan negara China?

(BUKU TEKS ms. 146)

- A Maharaja Shi Huang Di
- B Maharaja Han Wu Di
- C Maharaja Liu Bang
- D Maharaja Gaozu

- 16 Apakah nama gelaran yang digunakan oleh tokoh berikut semasa mentadbir Tamadun China?


(BUKU TEKS ms. 147)

Liu Bang

- A Maharaja Gaozu
- B Maharaja Liu Bang
- C Maharaja Han Wu Di
- D Maharaja Shi Huangdi

- 17 Peta berikut merujuk kepada Laluan Sutera.

(BUKU TEKS ms. 147)




Bilakah bermulanya pembukaan laluan tersebut?

- A Zaman Dinasti Han
- B Zaman Dinasti Qin
- C Zaman Dinasti Chou
- D Zaman Dinasti Shang

- 18 Rajah berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran Tamadun China.

(BUKU TEKS ms. 147)



Pemerintahan dan pentadbiran Han Akhir berpusat di _____.

- A Chang'an C Xianyang
- B Loyang D Dunhuang

- 19 Apakah kerajaan yang telah diasaskan oleh tokoh di atas (Liu Bang)?

(BUKU TEKS ms. 147)

- A Dinasti Zhou
- B Dinasti Han
- C Dinasti Qin
- D Dinasti Xia

- 20 Apakah inovasi yang telah dihasilkan oleh tokoh berikut?

(BUKU TEKS ms. 148)



Cai Lun

- A Ciptaan kertas
- B Ciptaan ukiran tembikar
- C Ciptaan tahap pendidikan
- D Ciptaan sistem peperiksaan

- 21 Bagaimanakah langkah yang boleh dilakukan untuk berada pada kedudukan sosial yang lebih baik dalam sistem pentadbiran Tamadun China?

(BUKU TEKS ms. 151)

- A Lulus peperiksaan awam
- B Berkhidmat dengan raja
- C Menyertai peperangan
- D Mahir dalam falsafah

- 22 Antara berikut, yang manakah dikategorikan sebagai "Lima Kitab" dalam sistem peperiksaan awam Tamadun China?

(BUKU TEKS ms. 151)

- A The Mencius
- B The Great Learning
- C The Doctrine of Mean
- D The Spring and Autumn Annals

- 23 Apakah tahap peperiksaan perkhidmatan awam yang menetapi ciri-ciri berikut?

(BUKU TEKS ms. 152)

- Diadakan dua kali setiap tiga tahun.
- Bilangan calon antara 500 – 2 000 orang.

- A Tahap kedua
- B Tahap pertama
- C Tahap keempat
- D Tahap ketiga


24 Berapakah kadar kelulusan yang ditetapkan oleh sistem peperiksaan perkhidmatan awam pada tahap pertama?

BUKU TEKS m.s. 152

- A 1: 120
- B 1: 25
- C 1: 35
- D 1: 100

25 Rajah berikut berkaitan dengan sistem peperiksaan awam tamadun China.

BUKU TEKS m.s. 152



- X adalah _____
- A Ibu kota negeri
 - B Ibu kota empayar
 - C Ibu kota kerajaan
 - D Ibu kota daerah

26 Berapakah bilangan calon yang dibenarkan menduduki peperiksaan di atas?

BUKU TEKS m.s. 152

- A 3 500 – 5 000 orang
- B 4 000 – 8 000 orang
- C 4 800 – 10 000 orang
- D 5 300 – 6 000 orang

27 Berapakah tempoh peperiksaan perkhidmatan awam pada peringkat berikut?

BUKU TEKS m.s. 152

Jinshi

- A 7 hari C 11 hari
- B 10 hari D 13 hari

28 Encik X telah lulus dalam peperiksaan perkhidmatan awam tahap pertama. Apakah keistimewaan yang akan diterima oleh beliau?

BUKU TEKS m.s. 152

- I Butang keemasan
- II Majlis Santapan Diraja
- III Tanda nama di pintu masuk
- IV Kakitangan pengiring

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap Tamadun China?

BUKU TEKS m.s. 152

Sima Qian

- A Ahli perubatan
- B Ahli sejarah
- C Ahli falsafah
- D Ahli bahasa

30 Pernyataan berikut berkaitan dengan pencapaian Tamadun China dalam pembuatan kertas.

BUKU TEKS m.s. 153

Mengumpulkan rebusan di dalam satu bekas.

Pengumpulan tersebut adalah _____

- A Langkah pertama
- B Langkah ketiga
- C Langkah kelima
- D Langkah keempat